



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

16 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 5,082 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 287,751 kes. Sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di daerah Tawau dan Papar serta masing-masing satu (1) kes di Beaufort, Kudat dan Semporna. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,211 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 248,826 orang. Manakala 2,962 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,367 orang di hospital, 1,378 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 214 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 45 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal *care* serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 49 (20.68%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah mencatatkan jangkitan baharu yang tertinggi hari ini melepasi paras angka 5,000 dengan 5,082 kes. Jumlah peningkatan berbanding semalam ialah 708 kes.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes baharu yang tertinggi di Sabah dengan 1,086 kes. Hampir 60% daripada kes-kes yang berlaku di Kota Kinabalu merupakan kes bergejala yang berpunca daripada jangkitan sporadik.
- c. Apa yang membimbangkan ialah jangkitan secara sporadik sudah menjadi satu trend di hampir semua daerah di Sabah dan hari ini 59.60% atau 3,029 daripada 5,082 kes adalah dalam kategori ini. Statistik tinggi jangkitan secara sporadik bermakna jumlah kes baharu akan berganda dengan lebih cepat. JKNS akan menghadapi kesukaran menjejak indeks kes untuk tujuan mengenalpasti kontak-kontak rapat bagi membendung penularan lebih luas.
- d. Pada hari ini, terdapat 12 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Sandakan 500 kes, Penampang 463 kes, Tuaran 421 kes, Papar 313 kes, Tawau 310 kes, Ranau 266 kes, Lahad Datu 263 kes, Putatan 222 kes, Kota Marudu 216 kes, Keningau 181 kes, Beaufort 144 kes dan Kota Belud 137 kes. Sejumlah 13 daerah mencatatkan kes dua (2) angka dan hanya Kalabakan menjadi daerah tunggal yang tidak mencatatkan sebarang jangkitan baru.
- e. Terdapat dua (2) kluster institusi pendidikan baharu yang diisytiharkan hari ini iaitu Kluster Jalan Bandau di Kota Marudu dan Kluster Jalan Sokid di Ranau. Pada hari ini juga pihak JKNS menamatkan Kluster Kem Bina, Ranau yang didapati sudah tidak lagi aktif. Jumlah kluster yang masih aktif di seluruh Sabah pada masa ini ialah 39 kluster.

- f. Kluster Jalan Bandau di daerah Kota Marudu melibatkan pelajar asrama SMK Kota Marudu 1. Indeks kes merupakan seorang pelajar lelaki, warganegara, berumur 18 tahun yang dikesan melalui saringan bergejala pada 9 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas telah mendapati pertambahan 95 kes. Secara keseluruhannya, jumlah kumulatif ialah 96 kes positif setakat 16 Februari 2022. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat yang tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- g. Di Ranau, Kluster Jalan Sokid adalah kluster institusi pendidikan yang melibatkan SMK Bundu Tuhan. Indeks kes adalah seorang lelaki, 24 tahun, warganegara dan merupakan seorang pekerja kontrak pembersihan di SMK Bundu Tuhan, dikesan melalui saringan bergejala pada 4 Februari 2022. Saringan di kalangan kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas telah mendapati pertambahan 27 kes. Secara keseluruhannya, jumlah kumulatif Kluster ini ialah 28 kes positif setakat 16 Februari 2022. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- h. Sejumlah 99.72% atau 5,068 daripada 5,082 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tiga (3) kes dalam Kategori 3, 10 kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,669) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	100	1.97%
2	Kontak	1,669	32.84%
3	Bergejala	3,029	59.60%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	284	5.58%
JUMLAH		5,082	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 15/02/2022	Catatan Kes 16/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	752	1,086	+334
2	Ranau	158	266	+108
3	Kota Marudu	116	216	+100
4	Papar	233	313	+80
5	Penampang	385	463	+78
6	Lahad Datu	196	263	+67
7	Tawau	256	310	+54
8	Keningau	144	181	+37
3	Tuaran	388	421	+33
10	Kota Belud	123	137	+14
11	Tongod	8	22	+14
12	Kudat	39	51	+12
13	Kuala Penyu	53	61	+8
14	Tenom	23	31	+8
15	Beluran	45	52	+7
16	Pitas	32	34	+2
17	Nabawan	28	30	+2
18	Semporna	45	45	Mendatar
19	Kinabatangan	40	40	Mendatar
20	Sandakan	647	500	-147
21	Sipitang	83	53	-30
22	Putatan	241	222	-19
23	Telupid	63	45	-18
24	Tambunan	62	47	-15
25	Beaufort	158	144	-14
26	Kunak	53	49	-4
27	Kalabakan	3	0	-3
JUMLAH		4,374	5,082	+708

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	4	377	646	0	59	1,086	8,106
Sandakan	0	98	396	0	6	500	4,881
Penampang	0	134	323	0	6	463	3,611
Tuaran	0	211	189	0	21	421	3,434
Papar	0	137	170	0	6	313	2,288
Tawau	0	50	255	0	5	310	2,327
Ranau	17	77	153	0	19	266	1,462
Lahad Datu	0	38	156	0	69	263	1,859
Putatan	0	41	176	0	5	222	1,062
Kota Marudu	77	85	46	0	8	216	1,126
Keningau	1	97	79	0	4	181	964
Beaufort	0	45	93	0	6	144	1,276
Kota Belud	0	60	72	0	5	137	1,134
Kuala Penyu	0	38	22	0	1	61	591
Sipitang	0	26	26	0	1	53	410
Beluran	0	34	13	0	5	52	348
Kudat	0	4	39	0	8	51	380
Kunak	1	14	26	0	8	49	548
Tambunan	0	18	16	0	13	47	257
Telupid	0	31	14	0	0	45	380
Semporna	0	0	26	0	19	45	514
Kinabatangan	0	18	19	0	3	40	427
Pitas	0	5	27	0	2	34	164
Tenom	0	13	15	0	3	31	234
Nabawan	0	18	10	0	2	30	170
Tongod	0	0	22	0	0	22	93
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	33
JUMLAH	100	1,669	3,029	0	284	5,082	38,079

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Tembok Kota Kinabalu 2	1
	Kluster Jalan Pintas Sembulan	3
Ranau	Kluster Jalan Sokid	17
Kota Marudu	Kluster Bandau	77
Keningau	Kluster Access Menawo	1
Kunak	Kluster Giram	1
Jumlah		100

- 6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Jalan Sokid - Ranau** dilaporkan berlaku dalam kalangan warga SMK Bundu Tuhan, Ranau pada 04 Februari 2022. Kes indeks bagi kluster jenis institusi pendidikan ini melibatkan melalui saringan bergejala seorang lelaki tempatan, 24, pekerja kontrak pembersihan di sekolah terbabit. Daripada 41 kontak rapat yang disaring, 27 individu terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas didapati positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 28 kes, termasuk 17 kes baharu hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- ii **Kluster Jalan Bandau - Kota Marudu** juga merupakan kluster jenis institusi pendidikan yang melibatkan pelajar asrama di SMK Kota Marudu 1. Kes indeks adalah pelajar lelaki, 18, yang dikesan melalui saringan bergejala pada 09 Februari 2022. Saringan terhadap 175 kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas kemudiannya mendapati pertambahan 95 kes dengan jumlah kumulatif sebanyak 96 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin

7 Jumlah kapasiti katil 4,319 unit

- Hospital 1,677 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,226 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 388 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 68.58%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	5,058
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	23
Jumlah	5,082

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Labuan	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	4,925
Bukan Malaysia	157
Jumlah	5,082

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	213
Belum Menerima Vaksin (5-11)	391
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	283
Menerima 1 Dos	14
Lengkap 2 Dos	3,225
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	956
Jumlah	5,082

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	29
1 to 5	184
6 to 11	393
12 to 17	420
18 to 25	886
26 to 59	2,881
>60	289
Jumlah	5,082

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 15 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,673 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,872 orang adalah penduduk dewasa, 82 orang adalah penduduk remaja 1,719 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 15 Februari 2022 adalah seramai 2,469,756 orang. Ini meliputi 2,118,077 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.97% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,412,008 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,609 orang atau 77.25% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,058 orang atau 79.32% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,399 atau 73.53% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 13,621 atau 3.31% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **682,340** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 209 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (OYDS Melarikan Diri).

- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1007 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 268 premis perniagaan dan 314 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 345 Premis Perniagaan melibatkan 140 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 112 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 136 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	97.8%
2	Keningau	97.8%
3	Beluran	97.8%
4	Kudat	97.8%
5	Ranau	97.7%
6	Sipitang	97.7%
7	Kota Marudu	97.6%
8	Semporna	97.6%
9	Lahad Datu	97.6%
10	Tenom	97.5%
11	Kinabatangan	97.5%
12	Papar	97.5%
13	Kota Belud	97.4%
14	Beaufort	97.4%
15	Tuaran	97.4%
16	Tawau	97.4%
17	Sandakan	97.3%
18	Kota Kinabalu	97.3%
19	Penampang	97.3%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II